

Pope: Dialog penentu hubungan Islam-Kristian

R O M 25 Sept. - Pope Benedict XVI hari ini memberitahu para diplomat Islam bahawa "masa depan kita" bergantung pada dialog di antara dunia Islam dan Kristian.

Kata beliau, dialog seperti itu merupakan satu keperluan penting dan menjadi landasan untuk membina 'masa depan' bersama yang merujuk kepada hubungan Kristian-Islam.

Pope Benedict menambah, umat Islam dan Kristian harus menolak sebarang bentuk keganasan.

Beliau turut memetik kenyataan pemimpin Katolik sebelumnya, John Paul II, mengenai kepentingan "timbang balik dalam semua bidang" termasuk kebebasan beragama.

John Paul II sememangnya mempunyai rekod baik dengan dunia Islam.

"Kita semua tahu kenapa pertemuan ini diadakan," kata beliau merujuk kepada kenyataannya mengenai Islam ketika berucap di Regensburg, Jerman pada 12 September lalu.

Pemimpin Vatican itu berkata demikian sewaktu mengadakan pertemuan dengan diplomat dari 21 negara Islam termasuk Liga Arab di kediaman musim panas beliau di Castel Gandolfo dekat Rom.

Pertemuan dan kenyataan terharu itu dilihat sebagai usaha mencari penyelesaian berhubung kenyataan kontroversinya sebelum ini selain memperbaiki semula hubungan Vatican dengan dunia Islam.

Beliau bagaimanapun tidak menyentuh mengenai kenyataan kontroversinya yang telah menimbulkan kemarahan penduduk Islam di seluruh dunia itu.

Beliau hanya menyampaikan ucapan pendek lima minit sebelum menghampiri para diplomat berkenaan dan bersalam dengan mereka seorang demi seorang.

Pertemuan di istana persinggahan Pope Benedict yang terletak di Alban Hills itu hanya berlangsung kurang 30 minit.

Semua negara Islam yang mempunyai hubungan dengan Vatican menghantar wakil ke pertemuan itu kecuali Sudan.

Arab Saudi tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Vatican.

Sementara itu, Duta Iraq, Albert Edward Ismail Yelda berkata, kenyataan Pope Benedict itu merupakan apa yang "dijanjikan" oleh diplomat yang menghadiri pertemuan tersebut.

"Pope telah menyuarakan rasa hormatnya kepada umat Islam dan itulah yang kami jangkakan dan perkara itu telah kami peroleh hari ini.

"Kini masanya untuk kita melupakan apa yang berlaku dan membina jambatan (hubungan baik Kristian-Islam)," katanya.

Pengerusi Kesatuan Masyarakat Islam Itali, Mohamed Nour Dachan berkata, ucapan Pope Benedict pada hari ini sangat "jelas dan bijak."

"Dialog sememangnya menjadi keutamaan kepada kedua-dua komuniti Kristian dan Islam," kata Mohamed.